

Ganesan Dilantik Pengerusi MIC Perak, Karuppanan Untuk Pulau Pinang
Bernama
21 Jun, 2013

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- MIC Jumaat mengumumkan pelantikan Datuk R Ganesan sebagai pengerusi MIC Perak dan M Karuppanan sebagai pengerusi MIC Pulau Pinang, berkuatkuasa serta-merta.

Presiden MIC Datuk Seri G. Palanivel berkata beliau berharap Ganesan dan Karuppanan, kedua-duanya peguam, dapat menerajui dan memperkukuhkan parti di dua negeri itu.

"Mereka perlu mengadakan mesyuarat bulanan secara tetap untuk terus mendekati peringkat akar umbi dan melawat bahagian-bahagian parti," katanya.

Ganesan ialah bekas timbalan pengerusi MIC Perak manakala Karuppanan adalah pengerusi bahagian Bukit Bendera.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=957713>